

Zulkiple dilantik Timbalan Naib Canselor USIM

SEREMBAN 20 Jan. - Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) universiti itu berkuatkuasa 15 Januari lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Strategik USIM, Nilai dekat sini hari ini, pengumuman pelantikan Zulkiple itu dibuat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini untuk tempoh perkhidmatan bermula tarikh lantikan sehingga 14 Januari 2018.

Tambah kenyataan itu, Kementerian Pendidikan sebelum ini telah bersetuju untuk melantik beliau memangku tugas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM bermula 1 September 2014 selepas penyanggannya, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad telah dilantik sebagai Naib Canselor USIM pada Ogos 2014.

Zulkiple, 50 yang merupakan anak kelahiran Kedah berkelulusan PhD dari Universiti Edinburgh (1996) dalam bidang Dakwah, Komunikasi dan Media Islam serta Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1990.

Kerjaya akademik beliau ber-



ZULKIPLE ABD. GHANI

mula di UKM sebagai pensyarah di Jabatan Dakwah dan Kepimpinan UKM (1996-2001); Ketua Jabatan Jabatan Dakwah dan Kepimpinan (1997-2003) dan Fellow Kanan Institut Islam Hadhari UKM (2007-2009).

Beliau kemudiannya berhijrah ke USIM pada 2009 sebagai Profesor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP); Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) FKP (2010-2012) dan seterusnya dilantik sebagai Dekan FKP pada 1 Mac

2012.

Sepanjang berkhidmat di USIM, Zulkiple telah memberi sumbangan yang signifikan kepada universiti melalui peranan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti; ahli Senat Universiti; Ketua Jawhar bagi Ulum Islamiyyah dan Pembangunan Ummah di bawah Kluster Penyelidikan dan Ketua Pengarang bagi Jurnal 'Ulum Islamiyyah.

Kepimpinan dan pengalaman beliau dalam bidang pendidikan tinggi turut diiktiraf pihak luar antaranya dilantik sebagai Ahli Panel Majlis Perundingan Islam (MPI) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 30 Jun 2014 untuk memberi nasihat dan pandangan asas kepada kerajaan dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam.

Zulkiple juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Ahli Lembaga Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Penasihat Akademik kepada beberapa buah kolej Islam iaitu Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS).